KPM kesan penyelewengan hak intelek kandungan bahan pengajaran dan pembelajaran - Fadhlina

Oleh Mahani Ishak dan Nurifah Sallehuddin - November 6, 2024 @ 4:22pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali (dua kiri) bersama Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek (tengah) bergambar bersama pada Majlis Menandatangani Memorandum Persafahaman Kementerian Pendidikan Malaysia dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia di Menara MyIPO, Petaling Jaya hari ini.

PETALING JAYA: Kementerian Pendidikan (KPM) menerima banyak aduan mengenai pelanggaran hak cipta kandungan bahan pendidikan dihasilkan kementerian berkenaan termasuk penggunaan bahan daripada buku teks.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata bahan daripada buku teks itu dimuat naik dalam peranti seperti televisyen pintar dan papan pintar dan kemudiannya dijual pada harga lebih tinggi kepada pihak sekolah.

"Situasi ini menimbulkan kebimbangan kerana ia ternyata membabitkan penyelewengan hak intelek KPM yang boleh memberi impak negatif kepada kualiti dan integriti sistem pendidikan negara.

"Walaupun kita tiada rekod berapa jumlah aduan, KPM akan tetap mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan tiada pihak memuat naik kandungan bahan pendidikan tanpa kebenaran walaupun berkaitan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah supaya harta intelek kementerian dilindungi sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas hadir menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)dan KPM di Menara MyIPO, PJ Sentral di ini, hari ini.

MoU itu dimeterai antara Ketua Pengarah Pendidikan, Azman Adnan dan Ketua Pengarah MyIPO, Kamal Kormin sambil turut disaksikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali.

Ditanya mengenai bahan pendidikan yang sering dimuat naik itu, Fadhlina menjelaskan ia membabitkan bahan pembelajaran yang berkait rapat P&P termasuk buku teks.

"Kandungan pendidikan seperti buku teks sepatutnya tidak boleh dimuat naik tanpa kebenaran daripada KPM. Tetapi ada pihak melakukannya bagi tujuan pengajaran.

"Kita ambil tindakan bertujuan melindungi harta intelek berkaitan bahan pengajaran supaya ia dapat dipastikan dari segi perundangan atau kesahihan dan ia tidak lagi dimuat naik tanpa kebenaran," katanya.

Terdahulu, Fadhlina dalam ucapannya berkata, walaupun bahan pembelajaran itu memanfaatkan pihak yang memuat naik tetapi harta intelek wajar dipelihara termasuk melalui usaha berterusan KPM sejak 2017 yang memainkan peranan memastikan semua hak cipta bahan terbitan dilindungi.

Dalam pada itu, beliau turut mengulas mengenai MoU yang disifatkan cukup signifikan yang menjurus kepada pembudayaan serta memanfaatkan masyarakat mengenai advokasi berkaitan harta intelek ini dalam pendidikan.

"Kita dapat lihat pembentangan dan perkongsian sangat baik yang membabitkan peserta dalam kalangan guru yang akan mendapat manfaat serta pengetahuan meluas mengenai harta intelek.

Sementara itu, Armizan berkata, MoU itu bertujuan memperkenalkan modul harta intelek kepada warga pendidik dan pelajar sekali gus membentuk generasi yang lebih peka terhadap isu berkaitannya.

"Melalui MoU ini, sebuah modul khas berkenaan harta intelek akan dibangunkan dan dimasukkan sebagai elemen rentas kurikulum (EMK) sekolah sedia ada.

"Dengan modul ini, ia akan memperkenalkan konsep harta intelek dengan cara mudah difahami oleh pelajar dan membina asas serta pemahaman kukuh bagi melahirkan generasi celik perlindungan harta intelek," katanya.

Katanya, inisiatif harta intelek itu berkesinambungan kepada pelaksanaan program dijalankan oleh MyIPO sejak 2013 untuk meningkatkan kesedaran hak harta intelek dalam kalangan pelajar antaranya melalui pelaksanaan pelbagai program yang menekankan pembelajaran secara santai tetapi efektif didik hibur (fun learning) seperti

IP Summer Camp, IP Funtastic, Program Usahawan Celik IP, Youth Celik IP, Youth Celik IP @ Campsite, IP Bridge, dan Super IDEA.

"Pelaksanaan program ini menunjukkan perkembangan positif apabila MyIPO dari 2011 sehingga September lalu, menerima sebanyak 66 permohonan pendaftaran paten dan pembaharuan utiliti serta 128 permohonan hak cipta dengan sebahagian besarnya permohonan paten yang direkodkan atas nama sekolah di bawah KPM dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).

"Justeru, pemeteraian MoU ini satu langkah tepat dalam membina kesedaran hak harta intelek sekali gus menjadi perisai perlindungan bagi kreativiti dan inovasi warga pendidikan daripada diekploitasi oleh mana-mana pihak.

"Ini juga akan membuka peluang kepada pengkomersialan hasil daya cipta dan inovasi untuk manfaat bersama," katanya.